

24/04/2002

1,000 guru agama laksana modul rumah syurgaku

MELAKA, Selasa - Kerajaan negeri sedang menyiapkan modul 'Rumahku Syurgaku' sebelum ia dilancarkan pada peringkat negeri bulan depan, kata Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Beliau berkata, pendekatan modul itu akan dilaksanakan oleh kira-kira 1,000 guru agama sebagai usaha berterusan kerajaan negeri memperkukuhkan institusi keluarga.

Katanya, kepincangan institusi keluarga di kenal pasti punca meningkatnya kes jenayah, sumbang mahram, gejala sosial dan usaha menanganinya perlu bermula dari rumah.

"Saya akan bermesyuarat dengan jawatankuasa pelaksanaan modul ini minggu depan dan diharap ia dapat disiapkan sebelum kita lancarkan Mei depan.

"Program ini adalah usaha berterusan kerajaan negeri untuk memantapkan institusi keluarga ke arah melahirkan rakyat yang sejahtera dan bebas daripada sebarang kejadian jenayah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui di Kolokium Pemikiran Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Kolokium dua hari berakhir hari ini dianjurkan oleh Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (Iksep) dan kerajaan Melaka.

Sebanyak sembilan kertas kerja meliputi wanita, ekonomi, politik, globalisasi, sains dan teknologi, Islam, orang Melayu, pendidikan dan Wawasan 2020 dibentangkan pada kolokium itu.

Mohd Ali berkata, selain guru agama, pelaksanaan modul itu juga akan dibantu oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan wanita.

"Kita mahu semua pihak terbabit kerana usaha menangani gejala sosial atau keruntuhan akhlak tidak boleh diletakkan kepada kerajaan semata-mata," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, kerajaan negeri berharap dapat mengurangkan kadar kejadian jenayah kepada 30 kes sehari berbanding 60 hingga 100 kes ketika ini.

(END)